

# Penjawat awam Persekutuan di Negeri Sembilan terima RM200 sempena Aidilfitri

**Seremban:** Kerajaan Negeri Sembilan bersetuju memberikan Bantuan Khas Kewangan (BKK) sempena Aidilfitri sebanyak RM200 kepada lebih 48,000 penjawat awam Persekutuan yang berkhidmat di negeri itu.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun, berkata BKK itu yang membabitkan peruntukan hampir RM10 juta akan dibayar sebelum Mac atau sambutan Aidilfitri tahun ini.

"Sumbangan RM200 ini membabitkan semua penjawat awam Persekutuan seperti tentera, polis, guru dan lain-lain agensi yang berkhidmat di Negeri Sembilan.

"Pemberian ini sebagai menghargai pengorbanan dan sumbangan mereka dalam memberikan kerjasama dengan agensi yang sedia ada.

"Ini memberikan kita kepercayaan yang kita rasa pada hari ini, kerana itu saya rasa wajar dan dengan pemberian RM200,

saya yakin akan memberikan satu tanda ingatan kerajaan negeri kepada mereka," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Perhimpunan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2025 dan Pra-Pelancaran Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026, di Dewan Majlis Bandaraya Seremban (MBS), di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohd Zafir Ibrahim dan ketua-ketua jabatan peringkat Persekutuan dan negeri.

Pada November lalu, Aminuddin mengumumkan pemberian BKK sebanyak dua bulan gaji kepada semua penjawat awam di negeri itu.

Bantuan berkenaan akan diberikan kepada



Aminuddin Harun

6,613 penjawat awam negeri, Badan Berkanun Negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan pembayaran akan dilakukan pada Januari dan sebelum Aidilfitri Mac tahun 2025.

Terdahulu, dalam ucapan pada majlis itu, Menteri Besar memaklumkan mengenai prestasi pentadbiran kerajaan negeri yang mencapai lebihan pendapatan untuk tiga tahun berturut-turut.

"Sehingga 31 Disember 2024, hasil negeri yang berjaya dikutip berjumlah RM636 juta bersamaan 122.31 peratus berbanding sasaran ditetapkan, RM520 juta.

"Ini satu pencapaian yang sangat membanggakan dan mencerminkan dedikasi, integriti dan usaha gigih seluruh penjawat awam di Negeri Sembilan," katanya.